

RAJA TUN MOHAR DALAM KENANGAN

Era Baru - 20/4/2007

SETELAH hampir 4 tahun Raja Tun Mohar pulang ke Rahmatullah, akhirnya sebuah buku bertajuk "A Pictorial Biography on Raja Tun Mohar Badiozaman A Gracious Prince: The Pride Of The Nation" telah berjaya diterbitkan.

Buku ini mengandungi gambar-gambar dari koleksi allahyarham sendiri dan dari para sahabat yang mengenali beliau dilengkapkan dengan keterangannya sekali mengenai aktiviti dan riwayat hidup allahyarham Raja Tun Mohar Badiozaman iaitu bekas Penasihat Ekonomi kepada 3 Perdana Menteri bermula dari Tun Abdul Razak Dato' Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Tahniah diucapkan kepada penerbit buku setebal 172 muka itu yang sudah tentunya mengandungi banyak maklumat untuk dimanfaatkan oleh pembaca seperti sumbangan allahyarham kepada negara dan bangsa. Orang-orang yang pernah bekerja rapat dengan allahyarham atau bekerja di bawah beliau suatu ketika dahulu dalam kerajaan sudah tidak syak lagi buku ini amat berguna untuk dijadikan sebagai buku rujukan.

Sebenarnya saya tidak menerima undangan ke majlis pelancaran buku tersebut yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Namun, apabila saya terbaca dalam akhbar sehari sebelumnya tentang majlis yang akan diadakan itu saya pastikan di atas kehadiran saya sebagai orang media tetapi yang lebih penting ialah saya juga pernah mengenali allahyarham secara dekat ketika allahyarham menjadi Penasihat Ekonomi kepada Tun Abdul Razak.

PENCAPAIAN

Saya kerap menemui allahyarham untuk berbingcang tentang masalah dan pencapaian orang Melayu yang tidak memuaskan dalam bidang perniagaan terutama sekali dalam bank-bank yang hampir kesemuanya dikuasai oleh bukan bumiputra.

Balu allahyarham Raja Tun Mohar, Toh Puan Norella menghadiahkan sebuah buku berkenaan suaminya kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sambil diperhatikan oleh bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dr Mazlan Ahmad yang juga Pengerusi Malaysian Humanitarian Foundation.



**IDRIS
TULIS
MENULIS**

Ketika itu saya bekerja di sebuah bank antara bangsa, **The Chase Manhattan Bank** di Kuala Lumpur, sebagai penolong pengurus iaitu satu jawatan yang rendah, namun dimasa itu saya dianggap sebagai

seorang anak Melayu yang begitu bernasib baik kerana dapat dite rima bekerja di bank antarabangsa.

Selepas allahyarham bersara, sekali sekala saya bertemu dengan allahyarham di majlis-majlis tertentu dan di Istana Negara ketika saya membuat laporan dan merakamkan gambar-gambar penting dengan kamera saya ketika menyambut Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong.

Dan apabila akhbar **ERA BARU** diterbitkan pada 1994, saya telah pastikan allahyarham menerima setiap keluaran dan difahamkan bahawa allahyarham amat minat membacanya.

Dalam pengalaman saya dengan allahyarham saya dapati Raja Tun Mohar seorang yang lemah lembut, teliti dan merendah diri. Apabila bersua dengan allahyarham dimana-mana beliau tidak teragak-agak untuk menegur saya saya biarpun beliau berpangkat tinggi dan berketurunan Raja.

Saya sungguh selesa berbincang dengan allahyarham dan kerap mendapatkan nasihat darinya.

Hampir 200 para tetamu hadir pada hari tersebut dan selain dari Pak Lah yang diberi penghormatan



melancarkan buku tersebut bekas Perdana Menteri yang juga Penasihat Petronas, Tun Dr Mahathir

Mohamad turut hadir untuk memberi penghormatan bagi mengingati allahyarham yang pernah menjadi Penasihat Ekonomi kepada beliau.

Kenamaan-kenamaan lain ialah, Tun Hajjah Rahmah Hj Mohd Noah; Tun Musa Hitam; Tan Sri Abdullah Ahmad; Dato' Seri Wan Azizah; Tan Sri Hassan Merican, CEO Presiden Petronas dan ramai lagi para sahabat allahyarham dari bekas-bekas pegawai kerajaan yang pernah bekerja dibawah allahyarham.

Didoakan agar roh allahyarham Raja Tun Mohar bin Badiozaman yang juga peminat **ERA BARU** ditempatkan bersama orang-orang yang soleh. **Amin**.


Disini disiarkan beberapa keping gambar yang telah dirakamkan oleh **ERA BARU** untuk tatapan pembaca.



Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan senyum melihat potret allahyarham Raja Tun Mohar setelah melancarkannya. Gambar yang sama digunakan bagi muka hadapan buku yang bertajuk 'A Pictorial Biography on Raja Tun Mohar Badiozaman A Gracious Prince: The Pride of The Nation'.



Toh Puan Norella, bersama dua anak beliau Raja Noor Dunita (berdiri) dan Raja Nor Mazli



Allahyarham Raja Tun Mohar seorang yang lemah lembut, teliti dan merendah diri.



Cucuanda-cucuanda allahyarham Raja Tun Mohar berbaris untuk bersalaman dengan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.



Diantara tetamu yang hadir ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang kelihatan duduk di kiri anak lelaki Raja Tun Mohar, YM Raja Mazhar Mohar dan di sebelah kiri Tun Dr Mahathir ialah CEO Petronas, Tan Sri Hassan Merican. Dibelakang kelihatan ialah Tun Mohd Dzaidin; Tun Hanif Omar; Tun Musa Hitam; Tun Ismail Ibrahim dan Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad.

Raja Tun Mohar bin Raja Badiozaman
 SSM, PMN, PSM, SPCM, JMN.

2 September 1999

Encik Idris Tulis
 Penerbit / Ketua Eksekutif
 Era Baru
 Lot 1.05 - 1.07 Tingkat Bawah
 Wisma Central
 Jalan Ampang
 50450 KUALA LUMPUR.

Saudara Idris,

Saya mengucapkan berbilang terima kasih diatas ingatan saudara mengirinkan saya gambar-gambar yang saudara telah rakamkan dimasa Majlis Hari Keputeraan DYMM Yang DiPertuan Agong pada 5hb Jun lalu sebagai kenangan.

Dengan salam mesra.

Yang ikhlas,

RAJA TUN MOHAR



GAMBAR ATAS... Penulis menunjukkan gambar Raja Tun Mohar yang mengetuai rombongan ketika membuat lawatan rasmi ke Moscow, Rusia untuk menjalani hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan negara Komunis itu pada tahun 1966.

Penulis bergambar kenangan dengan anak lelaki allahyarham, Raja Mazhar Mohar, selepas upacara majlis pelancaran buku ayahandanya.